

16/04/2002

PKNS guna talian terus pantau projek

Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR, Isnin - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan melaksanakan Sistem Pemantauan Projek (PMS2) menggunakan talian terus dengan Kerajaan Negeri dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) bagi memastikan projek yang dilaksanakan mengikut perancangan.

Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata tarikh pelaksanaan belum diputuskan tetapi kerajaan sudah meminta kebenaran Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk mengguna pakai sistem itu bagi memantau projek kerajaan negeri.

"Kita belum menentukan bilakah pelaksanaan PMS2. Tetapi pada permulaan, kita akan melaksanakannya di PKNS tidak lama lagi.

"Jika berkesan, kita akan memperluaskan PMS2 kepada semua agensi atau badan berkanun di negeri ini," katanya pada Majlis Jasamu Dikenang, di Menara PKNS dekat sini hari ini. Turut hadir, Pengurus Besar PKNS, Datuk Harun Salim.

Pada dasarnya PMS2 adalah untuk memantau semua projek kerajaan persekutuan. Ia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu.

Abdul Aziz berkata, pemantauan melalui PMS2 penting untuk memastikan semua perancangan dan program yang dilaksana dipantau sebaik mungkin, terutama membabitkan jangkamasa projek dan kos.

"Kita mahu memastikan perancangan pada tahun ini dapat dicapai dengan peratusan yang lebih tinggi, jika tidak pun 100 peratus," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi PKNS, berkata pada masa ini setiap agensi sudah mempunyai sistem sendiri untuk memantau projek yang dikendalikan.

Katanya, PKNS menunjukkan rekod cemerlang melaksanakan projek perumahan, lot industri dan membangunkan bandar baru dengan kira-kira 90 peratus projek dapat dilaksanakan.

"Memang ada yang gagal atau terlewat menyiapkan projek, tetapi jumlahnya tidak besar. Kita sudah mengatasinya dengan menukarkan kontraktor baru," katanya.

Pada majlis itu, 136 termasuk 22 kakitangan bersara wajib, kakitangan yang berkhidmat selama 20 hingga 30 tahun diraikan.

Katanya, program itu perlu bukan saja oleh PKNS tetapi semua agensi milik kerajaan negeri bagi menghargai perkhidmatan pekerja yang menyumbangkan bakti.

"Ia harus diteruskan dan saya berharap semua agensi akan mewujudkan program seumpama itu untuk menghargai kakitangan mereka," katanya.

(END)